

CNS5001

U GB 09-06 00160 BA551

AAB

Mahathir - Pilihan Raya

PILIHAN RAYA BOLEH DIADAKAN BILA-BILA MASA SAHAJA, KATA MAHATHIR

MUAR, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa tidak ada apa-apa halangan untuk mengadakan pilihan raya pada bila-bila masa sekarang.

Perdana Menteri berkata, suasana dalam negara sekarang cukup sesuai daripada segi pertumbuhan ekonomi, kestabilan politik dan pembangunan di bandar mahupun di luar bandar.

"Semua petunjuk amat menggalakkan untuk mengadakan pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas majlis jamuan perdana Barisan Nasional Johor di Dewan Jubli Intan, di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata, kerajaan tidak akan mengadakan pilihan raya hanya berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk itu sebaliknya mahu menggunakan tempoh lima tahun yang diberikan cakmat untuk menjalankan tugas.

"Kita diberi tempoh lima tahun. Kita tidak mahu adakan pilihan raya secara main-main sahaja. Kita hendak gunakan tempoh itu untuk menjalankan tugas. Kalau terlalu kerap, ia menjadi satu beban kepada negara," katanya. -- Lagi.

▼09/06/17-07MST

CNS5071

U GB 09-06 00152 BA554

AAB

Ulangan Dengan Tambahan Perenggan Kedua

Mahathir - Pilihan Raya 2 Muar

"Kita tidak main-mainkan pilihan raya, bila nampak akan menang sahaja, adakan pilihan raya. Kalau macam itu adakan pilihan raya tiap-tiap tahunlah," katanya.

Tempoh kerajaan sekarang hanya berakhir Oktober tahun depan.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata, BN memang bersedia bila-bila masa seperti yang terbukti semasa pilihan raya kecil Shah Bandaraya di Klang apabila BN mudah menggerakkan jentera parti hingga mencapai kemenangan besar.

Bagaimanapun beliau berkata, jentera BN perlu lebih cergas bila diadakan pilihan raya umum kerana yang menjadi pertaruhan ialah pembentukan kerajaan.

Mengenai negeri yang dikuasai pembangkang, Dr Mahathir berkata, kemungkinan BN boleh memenangi semula negeri itu kerana rakyat sudah mula sedar terhadap keupayaan BN yang memerintah.

Kekalahan dahulu ekoran perpecahan dalam parti dan bukannya kerana rakyat negeri itu mempercayai perjuangan parti lawan, katanya. -- Lagi.

▼09/06/17-41MST

CNS5005

U GB 09-06 00122 BA553

AAB

Mahathir - Pilihan Raya 3 (Akhir) Muar

Menyentuh mengenai senarai calon pilihan raya dari UMNO, Mahathir berkata, perkara itu hanya akan ditentukan pada saat-saat akhir bertujuan mengelakkan perpecahan akibat perasaan tidak puas hati daripada kalangan mereka yang tidak disenaraikan.

"Pengalaman kita ialah apabila menamakan calon, ada orang yang kecewa. Jika yang kecewa itu mengutamakan diri atau si polan, si polan, maka akan timbul keadaan tidak begitu menyenangkan dan mungkin perpecahan..."

"Beliau kesal kerana hanya setelah seseorang itu dipilih sebagai calon barulah keburukannya dikenal pasti walaupun sebelum itu beliau disanjung.

Dr Mahathir juga menekankan perlunya anggota UMNO tidak mementingkan diri sendiri tetapi sebaliknya memberi keutamaan kepada parti. -- Bernama.
JO ZAB KAM.

▼09/06/17-11MST

CNS5122

U PB 09-06 00170 BH503

aab

Mahathir - Pilihan Raya 4 Muar (sambungan)

Ditanya mengenai kegagalan ramai anggota UMNO berdaftar sebagai pengundi, beliau merayu semua yang berkenaan mendaftar segera.

"Saya merayu semua anggota UMNO mendaftar secepat mungkin sebagai membuktikan kesetiaan dan tanggungjawab kepada parti," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata rakyat semua peringkat perlu sedar untuk memilih kerajaan yang benar-benar mampu mentadbir negara walaupun ada pihak tertentu yang cuba membangkitkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat sebagai usaha mereka untuk mengambil alih pupek pimpinan negara sekarang.

Dalam hal ini, beliau menyelar pihak tertentu yang menyalahkan kerajaan pusat kerana enggan membantu setelah ia gagal memerintah negeri sehingga sanggup melemparkan fitnah kononnya Malaysia membantu puak Serb dengan menghantar askar untuk menindas rakyat Bosnia.

Perdana Menteri berkata, beliau membangkitkan perkara itu bukan untuk berkempen kerana "saya tidak tahu bila hendak adakan pilihan raya... belum mendapat ilham lagi, belum nampak landa walaupun ada landa-landu berdasarkan sambutan dan tepuk sorak yang diberikan kepada saya." -- Lagi

▼09/06/18-15MST

CNS5128

U PB 09-06 00134 BH504

aab

Mahathir - Pilihan Raya 5 Muar

Beliau berkata hari ini beliau tidak boleh mengumumkan tarikh pilihan raya tetapi semua anggota parti perlu bersiap-sedia untuk menghadapinya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan pemimpin parti di cawangan dan bahagian bahawa ikrar mereka kepada parti hanya akan bermakna jika mereka patuh kepada keputusan parti termasuk keputusan menentukan calon pilihan raya.

"Beliau memberikan jaminan calon-calon dipilih berdasarkan kebolehan mereka dan mereka ini boleh disingkirkan jika tidak menjalankan tanggungjawab dengan sempurna.

Katanya, UMNO mempunyai tanggungjawab besar kerana sebagai tulang belakang BN, ia memikul tanggungjawab menentukan negara terus maju.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan anggota UMNO supaya tidak menganggap kejayaannya yang menerajui BN memerintah negara sejak 37 tahun akan berterusan kerana tanpa disiplin dan kesanggupan menjaga parti, UMNO mungkin jatuh. -- Lagi

CNSS133

U PB 09-06 00137 BH505

aab

Mahathir - Pilihan Raya 6 (Akhir) Muar

Menteri Besar Tan Sri Muhyiddin Yassin pula berkata BN negeri sudah bersiap sedia menggerakkan jentera bagi menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa.

Muhyiddin, yang juga Pengerusi BN Johor, berkata beliau yakin BN mampu memenangi kesemua 20 kerusi Parlimen dan merampas semula empat kerusi Dewan Undangan Negeri yang dimenangi pembangkang pada pilihan raya umum lepas.

"Kami sedang menunggu isyarat dan petanda bila pilihan raya umum hendak diadakan," katanya.

Beliau berkata kedudukan BN di Johor berada dalam keadaan amat baik dan tidak menghadapi sebarang masalah untuk menggerakkan jentera bagi mengukuhkan kedudukan parti melaksanakan tugas yang diamanahkan rakyat.

Dalam hal ini, beliau berkata komitmen kerajaan negeri akan diteruskan dengan sempurna hasil sokongan kerajaan pusat. -- Bernama

OM AKD

♥09/06/18-21MST